International Journal of
Arabic, Linguistic and
Literature

Jurnal iJALAL
Pusat Pendidikan ICESCO di Malaysia
E-ISSSN: 3083-8622
2026, Bilangan 3, Isu 1, Halaman 225-238

ANALISIS PERBANDINGAN PENTERJEMAHAN ELEMEN BUDAYA MATERIAL DALAM HADIS: FOKUS TERHADAP KELENGKAPAN KETENTERAAN NABI SAW

A COMPARATIVE ANALYSIS OF THE TRANSLATION OF MATERIAL CULTURE ELEMENTS IN HADITH: A FOCUS ON THE MILITARY EQUIPMENT OF THE PROPHET MUHAMMAD (PBUH)

Saifulah Samsudin [1], Abdul Manan Yusof [2], Md Noor Hussin [3*] ,Redzaudin Ghazali [4*]

[1] Pensyarah, Universiti Islam Selangor (UIS), saifulah@uis.edu.my
[2] Pensyarah, Universiti Islam Selangor (UIS), abdulmanan@uis.edu.my
[3] Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor (UIS), mdnoor@uis.edu.my
[4] Pensyarah, Universiti Islam Selangor (UIS), redzaudin@uis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 5 Jun 2026 | *Selepas Pembetulan: 9 Jun 2026* | *Diterima untuk terbit: 9 Jun 2026*

STRENGTHENING ARABIC EDUCATION IN TERTIARY INSTITUTIONS: A CASE STUDY OF COLLEGES OF EDUCATION IN KWARA STATE.

Abstrak

Penterjemahan elemen budaya memainkan peranan penting dalam memastikan makna, nilai dan konteks budaya yang terkandung dalam sesuatu teks dapat dipindahkan dengan tepat ke dalam bahasa sasaran. Dalam teks hadis, elemen budaya material yang berkaitan dengan kelengkapan ketenteraan Nabi SAW bukan sahaja merujuk kepada objek fizikal, malah mencerminkan realiti sejarah dan budaya masyarakat Arab pada zaman baginda. Namun, perbezaan budaya serta ketiadaan padanan langsung dalam bahasa sasaran sering menimbulkan cabaran dalam proses penterjemahan. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis secara perbandingan metode penterjemahan yang digunakan bagi menterjemahkan elemen budaya material berkaitan kelengkapan ketenteraan Nabi SAW. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan dan analisis perbandingan terhadap data terjemahan yang dikumpulkan daripada *Kitab al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah* serta terjemahannya. Aspek analisis perbandungan dibuat melalaui dua versi penterjemahan iaitu PTS publishing dan penerbitan Jabal Maraqi. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua korpus kajian berjaya menyampaikan makna asas istilah pakaian dan peralatan ketenteraan Rasulullah SAW, namun berbeza dari segi tahap penghuraian maklumat dan kecenderungan pendekatan penterjemahan yang digunakan.

Kata kunci

Budaya Material, Kelengkapan Ketenteraan, *Syamail Muhammadiyyah*, Strategi Penterjemahan, Terjemahan Hadis.

Abstract

The translation of cultural elements plays an important role in ensuring that the meaning, values and cultural context contained in a text can be accurately transferred into the target language. In the hadith text, the material cultural elements related to the military equipment of the Prophet SAW not only refer to physical objects, but also reflect the historical and cultural reality of the Arab society during his time. However, cultural differences and the lack of direct correspondence in the target language often pose challenges in the translation process. Therefore, this study aims to comparatively analyze the translation methods used to translate the material cultural elements related to the military equipment of the Prophet SAW. This study uses a qualitative approach through a content analysis approach and comparative analysis of translation data collected from the Kitab al-Shamāʾil al-Muḥammadiyyah and its translations. The comparative analysis aspect was made through two versions of the translation, namely PTS publishing and Jabal Maraqi publishing. The study findings show that both study corpora successfully convey the basic meaning of the terms of the military clothing and equipment of the Prophet SAW, but differ in terms of the level of information elaboration and the tendency of the translation approach used.

Keywords
Material Culture, Military Equipment, Syamail Muhammadiyyah, Translation Strategy, Hadith Translation.

1.0 Mukaddimah

Bahasa dan budaya mempunyai hubungan yang erat serta saling mempengaruhi antara satu sama lain. Bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi dalam sesebuah masyarakat, malah turut berperanan sebagai medium yang mencerminkan nilai, pemikiran, kepercayaan dan identiti budaya masyarakat tersebut. Hubungan antara bahasa dan budaya telah lama dibincangkan oleh para sarjana, termasuk sasterawan Islam yang menganggap puisi sebagai *dīwān al-ʿArab* (diwan bangsa Arab), iaitu wadah yang mendokumentasikan sejarah, adat resam, nilai dan warisan budaya masyarakat Arab.

Menurut Sapir (2000:396), bahasa berfungsi sebagai panduan kepada "realiti sosial" serta sebagai "panduan simbolik kepada budaya". Beliau menegaskan bahawa pemahaman manusia terhadap dunia realiti banyak dibentuk secara tidak langsung oleh kebiasaan bahasa yang digunakan oleh sesuatu kelompok masyarakat. Pandangan ini menunjukkan bahawa bahasa dan budaya merupakan dua unsur yang tidak dapat dipisahkan. Oleh yang demikian, perbezaan budaya antara masyarakat sudah pasti akan menghasilkan perbezaan dalam sistem bahasa, penggunaan bahasa serta cara sesuatu realiti ditafsirkan dan diungkapkan.

2.0 Budaya dalam Penterjemahan

Bahasa merupakan cerminan budaya masyarakat penuturnya yang merangkumi cara hidup, sistem nilai, kepercayaan serta persekitaran fizikal dan sosial mereka. Menurut Asmah Haji Omar (1993:3), bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya, termasuk cara mereka berinteraksi dengan alam sekeliling dan masyarakat. Oleh yang demikian, unsur budaya yang terkandung dalam sesuatu bahasa sering kali menjadi sebahagian daripada makna yang ingin disampaikan melalui teks.

Dalam bidang penterjemahan, budaya diakui sebagai salah satu aspek yang paling mencabar untuk diterjemahkan. Menurut Syed Nurul Akla (2001), penterjemahan unsur budaya merupakan antara permasalahan utama dalam penterjemahan leksikal. Kesukaran ini timbul apabila penterjemah perlu

memahami makna yang terkandung dalam budaya bahasa sumber dan seterusnya memindahkannya secara tepat ke dalam budaya bahasa sasaran. Situasi ini menuntut penterjemah bukan sahaja menguasai aspek semantik dan teori penterjemahan, malah memiliki pengetahuan yang mendalam tentang latar budaya kedua-dua bahasa yang terlibat.

Penterjemahan budaya tidak sekadar melibatkan pemindahan perkataan daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, tetapi turut melibatkan pemindahan makna, nilai dan konteks budaya yang mendasari penggunaan bahasa tersebut. Oleh sebab proses penterjemahan berlaku dalam lingkungan budaya sasaran yang lazimnya berbeza daripada budaya sumber, penterjemah sering berhadapan dengan dilema untuk mengekalkan ketepatan mesej asal tanpa mengabaikan kefahaman pembaca sasaran. Perbezaan budaya antara kedua-dua bahasa adakalanya menyebabkan ketiadaan padanan yang benar-benar setara dalam bahasa sasaran, sekali gus menyukarkan proses pemindahan unsur budaya dan berpotensi menjejaskan ketepatan makna serta keberkesanan terjemahan.

3.0. Kategori Budaya

Menurut Peter Newmark (1988), unsur budaya dapat dibahagikan kepada lima kategori utama, iaitu ekologi, budaya material (artifak), budaya sosial, organisasi/adat/aktiviti/prosedur/konsep, serta gerak isyarat dan tabiat. Kategori budaya material pula merangkumi aspek makanan, pakaian, rumah dan penempatan serta pengangkutan. Dalam konteks kajian ini, fokus diberikan kepada kategori budaya material, khususnya aspek kelengkapan ketenteraan, kerana istilah yang berkaitan dengan kelengkapan ketenteraan Rasulullah SAW mengandungi unsur budaya yang mencerminkan latar kehidupan masyarakat Arab pada zaman tersebut. Dalam kajian ini pembatasan skop kepada kategori kelengkapan ketenteraan dibuat bagi memastikan kajian dapat dijalankan secara lebih terfokus, sistematik dan mendalam, di samping membolehkan analisis yang lebih terperinci terhadap terjemahan istilah budaya yang berkaitan.

4.0 Teks Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan kepada sejumlah hadis-hadis Rasulullah SAW serta penterjemahannya melalui teks-teks berikut:

4.1 Kitab *al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah*

Kitab *al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah* merupakan salah satu karya penting dalam genre sirah dan syamail Rasulullah SAW yang dikarang oleh Imam Abu Isa Muhammad bin Isa al-Tirmizi (209H–279H), seorang tokoh hadis terkemuka dan pengarang kitab *Sunan al-Tirmizi*. Karya ini menghimpunkan riwayat-riwayat yang menerangkan sifat fizikal, akhlak, keperibadian serta adab Rasulullah SAW dengan tujuan memperkenalkan contoh teladan yang boleh diikuti oleh umat Islam dalam aspek tingkah laku, amalan dan kehidupan seharian. Kitab ini turut memperlihatkan keluasan ilmu, ketelitian serta kekuatan hafalan Imam al-Tirmizi dalam meriwayatkan hadis. Secara keseluruhannya, kitab ini

mengandungi 397 hadis yang disusun dalam 56 bab mengikut tema-tema tertentu yang berkaitan dengan keperibadian dan kehidupan Rasulullah SAW.

4.2 *Keperibadian Rasulullah SAW*

Keperibadian Rasulullah SAW merupakan sebuah karya terjemahan yang diusahakan oleh Ustaz Abdul Jabal Maraqi dan diterbitkan oleh Al-Maraqi Enterprise pada tahun 2012. Karya ini merupakan terjemahan kepada kitab *al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah* yang bertujuan memperkenalkan keperibadian dan sifat-sifat Rasulullah SAW kepada pembaca berbahasa Melayu. Walau bagaimanapun, penterjemah tidak menjelaskan secara khusus pendekatan, kaedah atau strategi penterjemahan yang digunakan dalam menghasilkan terjemahan tersebut. Oleh itu, analisis terhadap hasil terjemahan ini dapat memberikan gambaran tentang kecenderungan teknik penterjemahan yang diaplikasikan dalam pemindahan makna daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

4.3 *Al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah: Keanggunanmu Ya Rasulullah*

Al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah: Keanggunanmu Ya Rasulullah merupakan terjemahan yang diterbitkan oleh PTS Publishing pada tahun 2020 dengan Muhammad Masnur Hamzah sebagai penterjemah. Pada tahun 2021, pihak penerbit telah menerbitkan edisi semakan yang mengandungi beberapa penambahbaikan dari segi kandungan dan persembahan. Antara pembaharuan yang dilakukan termasuk penambahan nota kaki bagi menjelaskan istilah-istilah tertentu serta makna perkataan yang berpotensi menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Selain itu, beberapa kesilapan teknikal yang terdapat dalam edisi terdahulu turut diperbetulkan. Edisi semakan ini juga dilengkapi dengan bahan tambahan seperti maklumat mengenai karya-karya *Syamā'il al-Muḥammadiyyah*, biografi ringkas Imam al-Tirmizi serta ringkasan sejarah kehidupan Rasulullah SAW. Penambahbaikan tersebut menjadikan karya ini lebih komprehensif dan mesra pembaca, khususnya bagi pembaca yang ingin memahami kandungan kitab secara lebih mendalam.

5.0 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk membuat perbandingan terhadap terjemahan perkataan yang berkaitan dengan pakaian ketenteraan Rasulullah SAW dalam dua buah karya terjemahan kitab *al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah*, iaitu *Keperibadian Rasulullah SAW* terjemahan Abdul Jabal Maraqi dan *Al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah: Keanggunanmu Ya Rasulullah* terjemahan Muhammad Masnur Hamzah terbitan PTS Publishing. Perbandingan ini bertujuan mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam pemilihan padanan leksikal yang digunakan oleh kedua-dua penterjemah ketika menterjemahkan istilah pakaian ketenteraan yang terdapat dalam teks sumber. Selain itu, kajian ini turut meneliti sejauh mana terjemahan yang dihasilkan dapat mengekalkan makna asal serta unsur budaya yang terkandung dalam istilah berkenaan. Analisis terhadap perbezaan terjemahan ini penting bagi memahami kecenderungan pendekatan dan teknik penterjemahan yang diaplikasikan oleh setiap penterjemah.

6.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan teks sebagai kaedah utama dalam proses pengumpulan dan analisis data. Analisis kandungan merupakan suatu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk meneliti dan menganalisis dokumen, rekod bertulis serta bahan tekstual secara sistematik bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian. Secara khususnya, kajian ini mengaplikasikan teknik analisis kandungan tidak ketara (*latent content analysis*), iaitu suatu pendekatan yang menuntut penyelidik membaca, meneliti dan mentafsir kandungan teks secara mendalam berdasarkan tema dan konteks kajian (Sunawari Long, 2005: 85). Sehubungan itu, teks-teks hadis yang dipilih akan diteliti secara terperinci dan sistematik bagi mengenal pasti data yang berkaitan dengan pakaian ketenteraan Rasulullah SAW sebelum dianalisis berdasarkan kerangka kajian yang telah ditetapkan.

Kajian ini turut menggunakan pendekatan analisis perbandingan bagi meneliti perbezaan dan persamaan terjemahan istilah yang berkaitan dengan peralatan ketenteraan Rasulullah SAW dalam dua buah karya terjemahan yang telah dipilih. Pendekatan ini dilaksanakan dengan membandingkan padanan terjemahan bagi setiap istilah yang dikenal pasti dalam teks sumber bahasa Arab dengan terjemahan yang digunakan oleh kedua-dua penterjemah. Perbandingan tersebut bertujuan mengenal pasti bentuk padanan leksikal yang dipilih, tahap kesepadanan makna yang dihasilkan serta kecenderungan teknik penterjemahan yang diaplikasikan dalam proses pemindahan makna daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis berdasarkan konteks penggunaan istilah dalam hadis serta kesesuaiannya dengan budaya dan kefahaman pembaca bahasa Melayu. Melalui pendekatan ini, kajian dapat menjelaskan variasi terjemahan yang wujud serta menilai keberkesanan pilihan terjemahan dalam mengekalkan makna dan nilai budaya yang terkandung dalam istilah pakaian ketenteraan Rasulullah SAW.

7.0 Analisis Data

Melalui pendekatan analisis kandungan dengan menumpukan kepada elemen peralatan ketenteraan Nabi SAW maka data kajian yang terhasil adalah seperti berikut:

Jenis Pakaian	Istilah Arab (TS)	Jumlah Hadis	No Hadis
Baju Besi	*Al-Dir'u* (الدرع)	Dua	106 & 107
Topi Besi	*Al-Mighfar* (المغفر)	Dua	108 & 109
Pedang	*Al-Saif* (السيف) / Nama khusus pedang	Empat	110, 111, 112 & 113

Teks terjemahan Penerbitan Jabal Maraqi di wakili oleh kod JM manakala PTS Publishing menggunakan kod PTS.

7.1 Baju Besi Rasulullah SAW

Terdapat dua hadis yang menyebut elemen budaya pemakaian درع dalam korpus kajian. Kedua-dua hadis tersebut seperti berikut:

Nombor Hadis: 106

الزبير بن العوام كَانَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يوْمَ أُحُدٍ دِرْعَانِ، فنهَضَ إِلَى الصَّخْرَةِ فلَمْ يَسْتَطِعْ، فَأَقْعَدَ طَلْحَةَ تَحْتَهُ، وَصَعِدَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى اسْتوَى عَلَى الصَّخْرَةِ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يقُولُ: أَوْجَبَ طَلْحَة

Terjemahannya:

JM	"Nabi sallallahu alaihi wasallam telah memakai Dua baju besi pada hari peperangan Uhud. Maka beliau memanjat sebuah batu besar tetapi tidak terdaya, lalu beliau menundukkan Thalhah Dan menaikinya hingga dapat berada di atas batu besar itu, dia berkata: Aku mendengar Nabi bersabda: Thalhah pasti (mendapat syafaat ke syurga"
PTS	"semasa perang Uhud Rasulullah SAW memakai dua baju besi. Baginda mahu memanjat sebuah batu besar (bagi mengamati peperangan) namun tidak mampu melakukannya" Lalu baginda menundukkan Thalhah di bawah dan memijak belakangnya. Dengan itu, baginda berjaya memanjat batu besar itu, dan berdiri di atasnya. Kemudian aku mendengar Rasulullah SAW berkata "Thalhah mesti masuk syurga"

Nombor Hadis: 107

عن السائب بن يزيد أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عَلَيْهِ يوْمَ أُحُدٍ دِرْعَانِ، قَدْ ظَاهَرَ بينهُمَا

Terjemahannya:

JM	"bahawasanya, Rasulullah SAW telah memakai dua baju besi pada hari peperangan uhud secara berlapis"
PTS	"semasa perang uhud, Rasulullah SAW memakai dua lapis baju besi"

Huraian:

Kedua-dua hadis yang terdahulu menyebut salah satu senjata yang diguna pakai oleh Rasulullah SAW. Elemen kebudayaan pakaian yang difokuskan dalam hadis ini terdapat pada kata nama درعان. Perkataan درعان dalam bentuk *muthanna* (dua).

Dari aspek makna leksikal perkataan درع bermaksud pakaian besi (Ibn Manzur. 1994) Manakala al-Bajuri (2001. Hlm: 197) menenghuraikan perkataan درع dengan maksud pakaian yang dibuat daripada besi dalam bentuk kepingan-kepingan yang dipakai dalam peperangan. Menurut Mohd Salih al-Munjid (2020. Hlm: 129) dan Abdul Razzaq al-Badr (2014. Hlm: 144) درع ialah baju yang diperbuat dari besi secara kepingan yang dipakai untuk melindungi pemakainya daripada pukulan senjata lawan.

Berdasarkan kedua-dua petikan terjemahan tersebut, istilah Arab yang merujuk kepada baju besi diterjemahkan dengan padanan yang sama oleh kedua-dua penterjemah, iaitu *baju besi*. Oleh itu, dari sudut pemilihan leksikal, tiada perbezaan yang ketara antara kedua-dua terjemahan kerana kedua-duanya mengekalkan makna umum istilah tersebut dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, jika dianalisis dari sudut teknik penterjemahan, kedua-dua penterjemah menggunakan teknik padanan lazim (established equivalent). Teknik ini merujuk kepada penggunaan istilah yang telah mantap dan diterima umum dalam bahasa sasaran untuk menterjemahkan sesuatu istilah dalam bahasa sumber. Istilah *baju besi* merupakan padanan yang lazim digunakan dalam karya sejarah, sirah dan terjemahan hadis bagi merujuk kepada pakaian perlindungan yang diperbuat daripada besi dan dipakai semasa peperangan.

Selain itu, kedua-dua penterjemah turut mengaplikasikan terjemahan harfiah (literal translation) pada frasa yang menunjukkan bilangan pakaian tersebut. Terjemahan Abdul Jabal Maraqi menggunakan frasa *"dua baju besi"*, manakala terjemahan PTS menggunakan frasa *"dua baju besi"* dengan susunan ayat yang lebih lancar dalam bahasa Melayu. Kedua-duanya mengekalkan unsur makna asal tanpa penambahan atau pengurangan maklumat berkaitan jenis pakaian tersebut.

Kesimpulannya, bagi istilah baju besi, kedua-dua penterjemah menggunakan teknik padanan lazim dan terjemahan harfiah, dengan menghasilkan terjemahan yang sama dari segi leksikal. Perbezaan yang wujud lebih tertumpu pada gaya penyampaian keseluruhan teks dan tahap penghuraian maklumat, bukannya pada penterjemahan istilah pakaian ketenteraan tersebut.

7.2 Topi Besi Rasulullah SAW

Terdapat dua hadis yang menyebut elemen budaya pemakaian مغفر dalam korpus kajian. Kedua-dua hadis tersebut seperti berikut:

Nombor Hadis: 108

عن أنس بن مالك أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ مَكَّةَ وَعَلَيْهِ مِغْفَرٌ، فَقِيلَ لَهُ: هَذَا ابْنُ خَطَلٍ مُتعَلِّقٌ بِأَسْتَارِ الْكَعْبَةِ، فقَالَ: اقتلُوهُ

Terjemahannya:

JM	"Bahawasanya Nabi SAW telah masuk kota mekah dan beliau memakai topi besi. Maka beliau diberitahu ini Ibnu Khatal, yang bergantung di kain penutup kaabah. Maka beliau bersabda "bunuhlah dia."
PTS	"semasa Rasulullah SAW memasuki kota Makkah (Ketika penaklukan kota itu tahun 8H), baginda memakai topi besi. Seseorang berkata kepada baginda, ini Ibnu Khatal sedang bersembunyi di dinding kaabah (disebabkan takut) Rasuulllah SAW menjawab, "bunuhlah dia"

Nombor Hadis:109

عن أنس بن مالك أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ مَكَّةَ عَامَ الْفَتْحِ، وَعَلَى رَأْسِهِ الْمِغْفَرُ قَالَ: فلَمَّا نزَعَهُ جَاءَهُ رَجُلٌ، فقَالَ لَهُ: ابْنُ خَطَلٍ مُتعَلِّقٌ بِأَسْتَارِ الْكَعْبَةِ فقَالَ: اقتلُوهُ

Terjemahannya:

JM	Rasulullah SAW "Bahawasanya Rasulullah SAW telah masuk kota mekah pada tahun pembukaanya. Beliau memakai topi besi. Dia berkata lagi "tatkala beliau menanggalkannya, seorang sahabat datang kepadanya lalu berkata kepadanya: Ibnu Khatal yang bergantung pada kain penutup kaabah. Maka beliau berkata "bunuhlah dia" kata Ibnu Syihab : aku mendapat maklumat bahawa Rasulullah SAW tidak berihram pada hari itu"
PTS	"sesungguhnya, semasa Rasulullah SAW memasuki kota Makkah ketika penaklukan kota itu, baginda memakai topi besi. Ketika baginda sedang membuka topi itu, seorang datang menemui baginda dan berkata "Ibnu Khatal sedang bersembunyi di sebalik dinding kaabah. Rasulullah SAW menjawab, "bunuhlah dia" Ibnu Syihab berkata "aku mendapat tahu, pada hari itu Rasulullah SAW bukan dalam keadaan berihram"

Huraian:

Kedua-dua hadis yang terdahulu menyebut salah satu senjata yang diguna pakai oleh Rasulullah SAW. Elemen kebudayaan pakaian yang difokuskan dalam hadis ini terdapat pada kata nama مغفر.

Dari aspek makna kamus, perkataan مغفر menurut Ibn Manzur (1994) kimpalan yang dibuat mengikut saiz kepala yang dipakai di bawah lilitan kepala. Manakala Fairuzabadiy (2005) menyatakan maksudnya ialah bulatan besi yang dipakai bawah penutup kepala.

Al-Bajuri (2001. Hlm: 197) menyatakan perkataan مغفر berasal daripada perkataan الغفر yang membawa maksud penutupan. Ia merupakan kimpalan yang dibuat daripada besi lalu dibuat mengikut bentuk kepala yang dipakai dibawah penutup kepala (*qalansawah)*. Menurut Abdul Razzaq al-Badr (2014. Hlm: 147) مغفر ialah apa yang dipakai oleh pejuang di atas kepalanya yang dipernbuat daripada besi untuk melindunginya daripada terkena anak panah dan tetakan pedang.

Berdasarkan kedua-dua petikan, istilah Arab yang merujuk kepada المِغْفَر (al-mighfar) diterjemahkan oleh kedua-dua penterjemah sebagai "topi besi". Dari sudut kajian penterjemahan, kedua-dua penterjemah menggunakan teknik yang sama, namun terdapat beberapa aspek yang boleh diperhatikan.

Pertama, kedua-dua terjemahan memperlihatkan penggunaan teknik padanan lazim (established equivalent), iaitu penggunaan istilah yang telah diterima dan difahami dalam bahasa Melayu bagi merujuk kepada kelengkapan perlindungan kepala yang dipakai oleh tentera semasa peperangan. Istilah *topi besi* merupakan padanan yang sering digunakan dalam karya sejarah, ketenteraan dan terjemahan Islam bagi menggambarkan fungsi asas *al-mighfar* sebagai pelindung kepala.

Kedua, terjemahan tersebut juga boleh dikategorikan sebagai generalisasi (generalization). Dalam bahasa Arab, *al-mighfar* merujuk secara khusus kepada penutup kepala yang diperbuat daripada besi atau anyaman rantai besi yang dipakai di bawah atau bersama topi perang. Sebaliknya, istilah *topi besi* dalam bahasa Melayu memberikan gambaran yang lebih umum dan tidak menjelaskan ciri-ciri khusus peralatan ketenteraan tersebut. Oleh itu, kedua-dua penterjemah telah memilih istilah yang lebih mudah difahami oleh pembaca sasaran walaupun berlaku sedikit pengurangan unsur spesifik yang terkandung dalam istilah asal.

Dari aspek gaya penterjemahan, Abdul Jabal Maraqi mengekalkan terjemahan secara lebih ringkas dan dekat dengan struktur teks sumber melalui ayat *"beliau memakai topi besi"*. Sebaliknya, Muhammad Masnur Hamzah turut menggunakan padanan yang sama, namun mengembangkan konteks hadis melalui beberapa penambahan maklumat seperti *"Ketika penaklukan kota itu tahun 8H"* dan *"disebabkan takut"*. Penambahan ini menunjukkan penggunaan teknik amplifikasi (amplification) pada peringkat wacana bagi membantu kefahaman pembaca, walaupun teknik tersebut tidak diaplikasikan secara langsung pada istilah *topi besi*.

Kesimpulannya, kedua-dua penterjemah menterjemahkan istilah *al-mighfar* sebagai "topi besi" dengan menggunakan teknik padanan lazim, di samping memperlihatkan unsur generalisasi kerana istilah yang dipilih lebih umum berbanding makna khusus dalam bahasa sumber. Walaupun terjemahan ini berjaya menyampaikan fungsi asas peralatan tersebut, sebahagian ciri ketenteraan dan sejarah yang terkandung dalam istilah asal tidak diterjemahkan secara terperinci. Ini menunjukkan kecenderungan kedua-dua penterjemah untuk mengutamakan kefahaman pembaca bahasa Melayu berbanding pengekalan makna teknikal yang lebih spesifik.

7.3 Pedang Rasulullah SAW

Nombor Hadis: 110

عن أنس قال كَانَتْ قَبِيعَةُ سَيْفِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ فِضَّةٍ

Terjemahannya:

JM	"hujung hulu pedang Rasullah SAW diperbuat daripada perak"
PTS	"hulu pedang Rasullah SAW dibuat daripada perak"

Nombor Hadis: 103

سعيد بن أبي الحسن البصري قال كَانَتْ قَبِيعَةُ سَيْفِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ فِضَّةٍ

Terjemahannya:

JM	"hujung hulu pedang Rasullah SAW diperbuat daripada perak"

PTS	"hulu pedang Rasullah SAW dibuat daripada perak"

Nombor Hadis: 104

ابن عبد الله بن سعيد عن جده قال: دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ يَوْمَ الْفَتْحِ وَعَلَى سَيْفِهِ ذَهَبٌ وَفِضَّةٌ قَالَ طَالِبٌ: فَسَأَلْتُهُ عَنِ الْفِضَّةِ فَقَالَ: كَانَتْ قَبِيعَةُ السَّيْفِ فِضَّةً

Terjemahannya:

JM	"Rasullah SAW masuk kota Makkah pada tahun pembukaannya, dan diatas kepala pedangnya ada emas dan perak. Kata Thalib, "maka aku bertanya kepadanya tentang perak itu. Maka dia berkata: "hujung hulu pedang itu diperbuat daripada perak"
PTS	"Rasullah SAW memasuki kota Makkah pada hari penaklukan kota itu, dan pada pedang baginda ada emas dan perak. Thalib bin Hujair bertanya mengenai perak yang ada pada pedang Rasullah SAW. Hud menjawab, "hulu pedang Rasullah SAW dibuat daripada perak"

Nombor Hadis: 111

ابن سيرين قال: صَنَعْتُ سَيْفِي عَلَى سَيْفِ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ، وَزَعَمَ سَمُرَةُ أَنَّهُ صَنَعَ سَيْفَهُ عَلَى سَيْفِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ حَنَفِيًّا

Terjemahannya:

JM	"aku perbuat pedangku semacam dengan pedang Samurah bin Jundub. Dan Samurah pula mempercayai bahawa dia perbuat pedangnya semacam pedang Rasulullah Saw. Sedangkan pedang samurah itu dari jenis pedang Bani Hanifah"
PTS	"aku membuat pedangku sama bentuk dengan pedang Samurah bin Jundub. Samurah mengaku dia membuat pedangnya sama bentuk dengan pedang Rasullah SAW. Pedang Rasullah SAW itu sama dengan bentuk pedang Bani Hanifah"

Bagi contoh yang dikemukakan, analisis sebenarnya melibatkan istilah "hulu pedang", bukannya *topi besi*. Berdasarkan kedua-dua terjemahan tersebut, terdapat perbezaan pada tahap ketepatan dan teknik penterjemahan yang digunakan.

Terjemahan Abdul Jabal Maraqi menggunakan frasa "hujung hulu pedang Rasulullah SAW diperbuat daripada perak", manakala terjemahan PTS menggunakan frasa "hulu pedang Rasulullah SAW dibuat daripada perak". Perbezaan utama terletak pada penambahan perkataan "hujung" dalam terjemahan pertama.

Dari sudut teknik penterjemahan, terjemahan PTS memperlihatkan penggunaan teknik padanan lazim (established equivalent) kerana istilah yang digunakan, iaitu *hulu pedang*, merupakan padanan yang lazim dan tepat bagi merujuk kepada bahagian pegangan pedang. Terjemahan ini mengekalkan makna asal teks sumber tanpa penambahan unsur baharu yang boleh mengubah maksud.

Sebaliknya, terjemahan Abdul Jabal Maraqi menunjukkan penggunaan teknik amplifikasi (amplification) atau penambahan maklumat melalui penggunaan frasa *"hujung hulu pedang"*. Walau bagaimanapun, penambahan ini tidak semestinya meningkatkan ketepatan makna kerana istilah asal hanya merujuk kepada *hulu pedang* secara umum, bukannya bahagian hujung hulu tersebut. Oleh itu, penambahan perkataan *hujung* menyebabkan makna menjadi lebih spesifik daripada yang terdapat dalam teks sumber.

Dari aspek kesepadanan makna, terjemahan PTS lebih hampir dengan maksud asal kerana mengekalkan rujukan kepada keseluruhan bahagian hulu pedang. Terjemahan Abdul Jabal Maraqi pula menghasilkan penyempitan makna (*particularization*) dengan memfokuskan kepada satu bahagian tertentu daripada hulu pedang. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua penterjemah menggunakan padanan asas yang sama, namun Abdul Jabal Maraqi menambah unsur penjelasan yang menyebabkan makna menjadi lebih khusus berbanding teks sumber.

Kesimpulannya, terjemahan PTS menggunakan teknik padanan lazim yang menghasilkan kesepadanan makna yang lebih tepat, manakala terjemahan Abdul Jabal Maraqi memperlihatkan unsur amplifikasi dan pengkhususan (particularization) melalui penambahan perkataan *hujung*, yang menjadikan makna terjemahan lebih sempit berbanding maksud asal hadis.

8.0 Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis terhadap terjemahan istilah baju besi, topi besi dan hulu pedang dalam kedua-dua karya terjemahan *al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah*, tiga kesimpulan utama dapat dirumuskan seperti berikut:

8.1. Kedua-dua penterjemah cenderung menggunakan padanan lazim bagi peralatan ketenteraan

Analisis menunjukkan bahawa terjemahan Jabal Maraqi dan PTS banyak menggunakan teknik padanan lazim (established equivalent) dalam menterjemahkan istilah pakaian dan peralatan ketenteraan Rasulullah SAW. Istilah seperti *baju besi*, *topi besi* dan *hulu pedang* dipilih kerana telah mantap

penggunaannya dalam bahasa Melayu serta mudah difahami oleh pembaca sasaran. Pendekatan ini membantu mengekalkan kefahaman teks tanpa menimbulkan kesukaran kepada pembaca yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan tentang budaya Arab atau sejarah ketenteraan Islam.

8.2. Terjemahan PTS lebih cenderung kepada pendekatan komunikatif

Analisis mendapati bahawa terjemahan PTS sering disertakan dengan penambahan maklumat konteks melalui teknik amplifikasi, sama ada dalam bentuk keterangan sejarah, penerangan situasi atau nota tambahan. Pendekatan ini bertujuan memudahkan pembaca memahami maksud hadis dan latar peristiwa yang diperkatakan. Oleh itu, terjemahan PTS memperlihatkan kecenderungan kepada pendekatan komunikatif yang mengutamakan kejelasan dan kebolehfahaman mesej dalam bahasa sasaran.

8.3. Terdapat kecenderungan pengurangan unsur budaya dan teknikal dalam terjemahan istilah khusus

Walaupun kedua-dua penterjemah berjaya menyampaikan makna umum istilah ketenteraan, beberapa istilah khusus dalam bahasa Arab diterjemahkan secara lebih umum melalui teknik generalisasi. Sebagai contoh, istilah *al-mighfar* diterjemahkan sebagai *topi besi* tanpa menjelaskan bentuk atau ciri khusus peralatan tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa kedua-dua penterjemah lebih mengutamakan penyampaian makna yang mudah difahami berbanding mengekalkan keseluruhan nilai budaya dan teknikal yang terkandung dalam istilah asal. Akibatnya, sebahagian maklumat sejarah dan budaya yang terdapat dalam teks sumber tidak dapat dipindahkan sepenuhnya ke dalam bahasa sasaran.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua penterjemah berjaya menyampaikan makna asas istilah peralatan ketenteraan Rasulullah SAW, namun mereka berbeza dari segi tahap penghuraian maklumat dan kecenderungan pendekatan penterjemahan yang digunakan. Penterjemahan Jabal Maraqi lebih cenderung kepada terjemahan yang dekat dengan teks sumber, manakala PTS publishing lebih menekankan aspek kefahaman pembaca melalui pendekatan yang lebih komunikatif dan deskriptif.

9.0 Rujukan

Abdul Ghani Jabal Maraqy. 2013. *Keperibadian Nabi Muhammad SAW*. Jabal Maraqy Interprise

Ahmad Sunawari Long. 2005. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad. 2001. *Al-Mawahib al-Ladunniyyah 'ala al-Syamail al-Muhammadiyyah*. Cetakan Pertama.

Asmah Hj. Omar. 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.

As-Syamail Al-Muhammadiyyah: keanggunanmu Ya Rasulullah (Edisi 2021) oleh Imam Tirmizi terjemahan oleh Muhammad Masnur Hamzah PTS Publishing

Ibn Manzur, Ahmad bin Mukarram. 1992. *Lisan al-Arab*. Dar Sadir

Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar.1998. *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khair al-Ibad*.Jilid 4. Lubnan: Mu'assasah al-Risalah

Newmark, P. 1988. *A Textbook of Translation*. New York London: Prentice Hall.

Sapir, E. 2000. The Status of Linguistics as a Science in Burke, Lucy (Eds.). *The Routledge Language and Cultural Theory Reader*. London: Routledge

Syed Nurul Akla. (2001). *Faktor Leksiko-Budaya dalam Terjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Karya Rihlah Ibn Batutah.* [Tesis Sarjana]. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.